

STUGERON[®] TABLET

Cinnarizine (25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan STUGERON[®]
2. Bagaimana STUGERON[®] berfungsi
3. Sebelum anda menggunakan STUGERON[®]
4. Cara menggunakan STUGERON[®]
5. Semasa menggunakan STUGERON[®]
6. Kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan STUGERON[®]
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan STUGERON[®]

STUGERON[®] digunakan untuk merawat yang berikut:

- **gangguan keseimbangan**
–STUGERON[®] melegakan pening dan perasaan berputar ('vertigo') disebabkan oleh masalah telinga dalaman. Ia juga melegakan simptom yang berkaitan, seperti deringan berterusan dalam telinga ('tinitus'), pergerakan mata yang pantas dan tidak terkawal, rasa loya dan muntah;

STUGERON[®] juga **mencegah mabuk perjalanan**.

Bagaimana STUGERON[®] berfungsi

Ubat dalam STUGERON[®] adalah cinnarizine yang membantu simptom yang disebabkan oleh masalah keseimbangan atau pergerakan.

Sebelum menggunakan STUGERON[®]

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil tablet STUGERON[®] jika:

- Anda mengalami alahan terhadap cinnarizine atau mana-mana bahan lain dalam bentuk tablet STUGERON[®] (tersenarai dalam "Maklumat lanjut-Bahan-bahan kandungan")
- Anak anda berumur di bawah 5 tahun

Jangan mengambil ubat ini jika mana-mana di atas berkaitan dengan anda. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil tablet STUGERON[®].

- Kehamilan dan menyusu (bayi)

Jika anda hamil atau merancang untuk hamil, beritahu doktor anda, yang akan membuat keputusan jika anda boleh mengambil STUGERON[®].

STUGERON[®] boleh digunakan semasa hamil hanya jika faedah terapeutik mewajarkan potensi risiko untuk janin.

Jika anda mengambil STUGERON[®], anda dinasihatkan supaya tidak menyusu bayi kerana tiada data mengenai perkumuhan STUGERON[®] dalam susu badan.

- Sebelum menggunakan STUGERON[®] Penyakit Parkinson

Jika anda menghidap Penyakit Parkinson, beritahu doktor anda, yang akan menentukan sama ada anda boleh mengambil STUGERON[®].

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat untuk kemurungan dan ubat yang memperlambatkan reaksi (ubat tidur, ubat penenang dan ubat tahan sakit yang kuat) boleh meningkatkan kesan yang menyenangkan apabila diambil dengan STUGERON[®].

Sila beritahu doktor anda jika anda ada mengambil sebarang ubat lain.

Alkohol dan STUGERON[®] menguatkan kesan antara satu sama lain. Oleh itu, anda perlu menghadkan jumlah alkohol yang anda minum semasa STUGERON[®].

Cara menggunakan STUGERON[®]

STUGERON[®] dihasilkan sebagai tablet. Anda perlu mengambil ubat selepas makan. Tablet adalah terbaik diambil dengan sedikit air.

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak STUGERON[®] anda perlu ambil.

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk gangguan keseimbangan, dos yang disyorkan ialah:
1 tablet tiga kali sehari

Untuk gangguan perjalanan,

Dos yang disyorkan ialah:

Dewasa dan remaja berusia 13 tahun ke atas:

1 tablet

Kanak-kanak berusia 6 hingga 12 tahun:

1/2 tablet

Anda perlu mengambil STUGERON[®] sekurang-kurangnya setengah jam sebelum anda memulakan perjalanan, dan untuk perjalanan jauh, anda boleh mengambil setiap 6 jam selepas itu.

- Bila perlu digunakan

Sentiasa mengambil STUGERON[®] seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu merujuk kepada doktor anda jika anda tidak pasti.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil STUGERON[®] selama yang doktor anda cadangkan.

- Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang perlu anda lakukan sekiranya anda terlupa untuk menggunakannya.

Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir waktu untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu itu untuk mengambil ubat dan langkau dos yang terlupa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa itu.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Mengambil terlalu banyak STUGERON[®], boleh membawa kepada tanda-tanda dan simptom berikut: perubahan kesedaran yang terdiri daripada rasa mengantuk hingga kehilangan kesedaran, muntah, otot lemah atau tidak selaras, dan sawan. Kematian pernah dilaporkan berkaitan dengan dos cinnarizine yang berlebihan. Jika dos berlebihan STUGERON[®] disyaki, anda perlu hubungi doktor anda.

Semasa menggunakan STUGERON[®]

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang doktor anda beritahu anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil STUGERON®. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil sebarang ubat baharu tanpa bertanya doktor anda terlebih dahulu.

Jangan berikan STUGERON® kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Terutamanya pada permulaan rawatan STUGERON® boleh menyebabkan mengantuk, yang boleh membuat anda kurang peka dan mengurangkan keupayaan memandu. Jadi anda perlu berhati-hati mengendalikan mesin atau memandu semasa mengambil STUGERON®.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat yang lain, ubat ini juga boleh menyebabkan kesan sampingan, namun tidak semua mendapatinya.

- Rasa mengantuk
- Loya
- Penambahan berat badan
- Tidur waktu siang
- Muntah
- Ketidakselesaan perut
- Ketakcernaan
- Berpeluh berlebihan
- Rasa sangat letih
- Pergerakan perlahan, sentap atau memulas yang anda tidak dapat kawal.
- Masalah mengawal pergerakan badan atau anggota badan
- Pergerakan perlahan, dengan menggeletar, kekakuan dan berjalan seret
- Otot mengeletar
- Masalah hati yang menyebabkan kekuningan kulit atau mata (jaundis)
- Ketumbuhan warna merah hingga kelabu pada kulit
- Ruam kulit yang gatal

- Ruam kulit berwarna merah dan mengelupas yang mungkin bertambah teruk akibat sinaran matahari
- Kekakuan otot

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting side effects to medicines (ConSERF) or vaccines (AEFI)].

Penyimpanan dan pelupusan STUGERON®

- Penyimpanan

Ubat ini hanya boleh disimpan untuk tempoh yang terhad. Jangan gunakan STUGERON® selepas tarikh (bulan dan tahun) yang tertera selepas "EXP", walaupun ia sudah disimpan dengan betul.

Simpan di bawah suhu 30°C.

Lindungi daripada cahaya.

Anda dinasihatkan untuk mengembalikan ubat tamat tempoh kepada ahli farmasi anda.

Jauhkan daripada pandangan dan capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa buangan isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

STUGERON® tablet 25mg berwarna putih dan bulat dengan garis skor, dan dengan 'Janssen' dicetak pada satu sisi dan 'S/25' di sisi yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Satu tablet mengandungi 25 miligram cinnarizine.
- Bahan tidak aktif

Tablet juga mengandungi seed oil hydrogenated, lactose monohydrate, maize starch, polyvidone, sucrose, talc and purified water.

- Nombor MAL

MAL19871481AZ

Pengilang

Janssen Cilag S.p.A.

Via C.Janssen

Borgo San Michele

Latina, Italy

Pemegang pendaftaran produk

Johnson & Johnson Sdn Bhd (3718-D)

Level 8, The Pinnacle,

Persiaran Lagoon, Bandar Sunway,

46150, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

12/06/2023 (MY PI based on CCDS vMay2019)

Nombor siri

NPRA (R1/4) 07062023/111